

KONSEP ILMU PERUBATAN ISLAM DARI SUDUT PANDANG GURU PELATIH BIDANG PENDIDIKAN ISLAM

The Concept of Islamic Medicine From The Viewpoint
of Islamic Education Trainee Teachers

*Ahmad Fikri Roshadi¹, Mohd Faez Ilias², Mohd Izzuddin Mohd Pisol³,
Julia Madzalan⁴, Annasai Jamar⁵, Murihah Abdullah⁶
Fakulti Pendidikan^{1,2,3,4 &5}
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
Fakulti Sains Kemanusiaan⁶
Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
e-mel: faeez@kuis.edu.my

ABSTRAK

Ilmu Perubatan Islam merupakan ilmu teoritikal dan praktikal yang wajar diaplikasikan agar menjadi amalan dalam diri pengamal perubatan Islam. Isu berkaitan kerasukan dan gangguan seringkali berlaku di sekolah. Apabila berlakunya kerasukan dan gangguan maka guru pendidikan Islam dipertanggungjawab untuk menguruskan masalah yang berlaku. Namun, tidak semua guru pendidikan Islam mampu untuk melakukan proses mengubat jika tidak pernah mempelajari ilmu tersebut. Oleh yang demikian kajian ini dilaksanakan untuk melihat pandangan guru pelatih pendidikan Islam sebagai langkah awal sebelum bergelar guru. Kajian ini memfokuskan pandangan guru pelatih terhadap konsep ilmu perubatan Islam. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif dengan menggunakan instrumen soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pandangan guru pelatih terhadap konsep perubatan Islam adalah berada pada tahap tinggi dengan min=4.01. Dapatan ini selanjutnya memberi implikasi kepada pelbagai pihak antaranya pihak institusi, sekolah dan panitia pendidikan Islam dalam memberikan pendedahan kepada pelajar berkaitan ilmu yang mampu membentuk kemenjadian aspek rohani dan spiritual.

Kata kunci: perubatan Islam, guru pelatih, histeria, kerasukan.

Abstract

Islamic medicine is a knowledge that is not only learned theoretically but the knowledge needs to be applied in order to become a practice to an Islamic medical practitioner. Issues relating to the possessions and spiritual disturbances often occur in schools. In the event of possession and disturbance, Islamic education teachers are being made responsible to manage the problems that happen. However, not all Islamic education teachers are able to perform the treatment process if they have never studied the related knowledge. Therefore, this study was conducted to see the view of Islamic education trainee teachers as the initial step before becoming a teacher. This study focuses on the view of trainee teachers on the concept of Islamic medicine. It utilises quantitative design using questionnaire as an instrument. The study found that the trainee's view towards Islamic medical concept is at a high level with the mean value=4.01. The findings further provide implications to various parties, such as the institution, schools and Islamic education committees in providing exposure to students in the field of knowledge that is directed to forming the spiritual and physical development.

Keywords: islamic medicine, trainee teacher, hysteria, possession

PENGENALAN

Ilmu perubatan Islam dan perubatan tradisional dikenali sebagai rawatan alternatif di Malaysia telah berkembang sejak dahulu lagi. Pada tahun 2015, dianggarkan telah wujud lebih 200 pusat rawatan alternatif berteraskan Islam berdaftar di Malaysia. Peningkatan populariti dan penggunaan rawatan alternatif Islam yang semakin meluas jelas memberi signifikan kepada polisi kesihatan semasa. Perkembangannya memberi impak kepada penurunan masalah kesihatan dalam komuniti (Mohd Farhan et al., 2015). Hal ini kerana terdapat pelbagai jenis penyakit, sama ada yang jelas boleh dilihat dengan mata kasar dan mahupun tidak terutama sekali bagi penyakit yang tiada ikhtiar cara rawatan di hospital dan klinik kesihatan mahupun bagi para pesakit yang hampir putus harapan (Mohd Farhan et al., 2013).

Pelbagai kajian telah dilakukan mengenai penyakit yang tidak boleh dikesan melalui perubatan moden ini, seperti histeria. Merujuk Dewan Bahasa dan Pustaka, histeria bermaksud penyakit urat saraf yang terlihat pada letusan-letusan emosi yang tidak dapat dikawal. Histeria adalah merujuk keadaan seseorang yang dirasuk oleh jin sehingga menzahirkan tindakan luar biasa atau menghilangkan kewarasan akal (Khadher & Mohd Azim, 2015). Dalam masyarakat Melayu, histeria dikaitkan dengan tindak balas akibat gangguan makhluk halus atau gangguan hantu. Isu histeria telah berlaku dalam masyarakat sejak zaman berzaman. Pelbagai persoalan timbul dalam isu histeria, sama ada melibatkan masalah psikologi semata-mata (Salasiah et al., 2014) atau disebabkan gangguan makhluk mistik dan alam ghaib (Amran & Zulkarnain, 1994). Individu yang terjejas biasanya kehilangan beberapa fungsi badan menyebabkan mangsa hilang upaya untuk mengawal diri (Salasiah et al., 2014).

Di Malaysia, histeria berlaku hampir di kebanyakan tempat di komuniti seperti sekolah, asrama dan kilang (Intan Farhana et al., 2014; Fariza Md. Sham, 2012). Mengapa kes seperti ini sering berlaku dalam kalangan pelajar dan orang Islam? Bagi menjawab persoalan ini, firman Allah SWT dalam surah al-Hijr ayat 39 yang bermaksud:

“Iblis berkata: Wahai Tuhanku! Kerana Engkau telah menjadikan daku sesat, (maka) demi sesungguhnya aku akan memperelokkan segala jenis maksiat kepada Adam AS dan zuriatnya di dunia ini dan aku akan menyesatkan mereka semuanya.”

Dalam konteks kajian, pengkaji menumpukan situasi histeria yang berlaku kalangan pelajar sekolah. Penjagaan guru pendidikan Islam daripada sudut rohani dan akal fikiran menjadi satu keperluan dalam menuntut ilmu dengan melakukan amalan yang mendekatkan diri dengan Allah SWT. Apabila gejala histeria berlaku, tidak hanya melibatkan seorang pelajar tetapi boleh merebak seolah-olah jangkitan emosi kepada pelajar lain atau dalam erti kata lain bertukar menjadi sebuah epidemik (Fariza Md. Sham et al., 2012). Impak histeria massa mengakibatkan pelbagai kesan negatif terutama pada emosi dan keharmonian sosial. Situasi tersebut menyebabkan suasana panik dan tegang serta mengganggu perjalanan aktiviti sekolah (Intan Farhana et al., 2014).

Adalah menjadi keperluan bagi guru pendidikan Islam berpengetahuan di sekolah dan mengawal urusan pelajar khususnya dalam aspek keagamaan. Dalam mendepani situasi histeria di sekolah, golongan pertama yang dirujuk bagi mendapatkan bantuan ialah guru pendidikan Islam. Guru pendidikan Islam perlu menguruskan isu tersebut supaya tidak terjadi perkara yang berbahaya dan menjadi tidak terkawal. Bagi mendepani keadaan tersebut, guru pendidikan Islam perlu mempunyai kemahiran meskipun sekadar mengetahui asas ilmu perubatan Islam. Sekiranya guru pendidikan Islam tidak berpengetahuan atau berpengalaman, maka besar kemungkinan guru tersebut tidak yakin dalam mengubati seseorang. Menurut Haron Din (2011a), ilmu perubatan Islam seharusnya diaplikasikan bagi tujuan membantu mereka yang memerlukan.

Isu histeria harus dikawal dan mendapatkan jalan penyelesaian agar pelajar terhindar daripada gangguan histeria yang boleh menjejaskan keselesaan dan memberi gangguan dalam kehidupan (Salasiah et al., 2014). Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti persepsi guru pelatih pendidikan Islam terhadap konsep mempelajari ilmu perubatan Islam.

SOROTAN KAJIAN

Sejarah histeria yang dikatakan sudah wujud lebih 2,000 tahun itu, adalah bersifat misteri tanpa penerangan jitu yang dapat dikaitkan dengannya. Histeria seringkali menjadi perdebatan dalam sejarah dunia perubatan kerana usaha mengenal pasti punca histeria juga banyak bergantung kepada faktor budaya, nilai dan kepercayaan sesuatu masyarakat (Khadher & Mohd Azim, 2015). Histeria adalah kemuncak gangguan personaliti yang menyebabkan kehilangan fungsi fizikal biarpun tanpa adanya tanda-tanda kecacatan fizikal yang nyata. Ada kemungkinan berpunca daripada gangguan psikologi, mungkin berpunca akibat daripada tekanan hidup yang berpanjangan, kebimbangan, ketegangan akibat daripada konflik individu, sama ada yang berkaitan dengan autoriti, hubungan sosial serta kurangnya ruang untuk menyalurkan ketegangan itu (Salasiah et al., 2014).

Menurut Fariza Md. Sham et al., (2012), faktor yang menjadi pencetus gejala ini ialah faktor psikologi dan keagamaan. Kedua-dua faktor ini menyumbang peratusan yang lebih tinggi berbanding faktor lain (Intan Farhana et al., 2014). Terdapat beberapa siri kejadian yang masih berlaku di beberapa buah sekolah di Malaysia. Implikasi daripada tersebut akhirnya menyebabkan terjadinya tingkah laku histerik dan gejala histeria (Fariza Md. Sham, 2012).

Di sekolah, guru bukan hanya berperanan sebagai pendidik yang hanya mengajar di bilik darjah. Kebiasaannya guru pendidikan Islam menjadi seorang yang dirujuk oleh pelajar dalam sesuatu perkara. Selain menjadi rujukan, guru juga perlu berperanan sebagai seorang pendakwah dengan mengajak pelajar mendekati dan melaksanakan segala perintah Allah SWT. Sekiranya peranan guru dalam menjalankan aktiviti dakwah terhadap pelajarannya berkurangan, mungkin pelajar akan menyebabkan tersasar jauh dengan penciptanya. Ini bertepatan dengan Falsafah Pendidikan Islam juga menekankan aspek pendidikan secara holistik atau syumul (Muhamad Suhaimi Taat, 2014).

Kepentingan guru pendidikan Islam dalam mendalami ilmu perubatan Islam boleh dijadikan sebagai alternatif pencegahan awal supaya tidak berlaku perkara yang tidak diinginkan pada waktu persekolahan. Jika guru pendidikan Islam mempunyai asas ilmu ini, boleh memberikan ilmu kepada pelajar supaya membentengi daripada tipu daya jin dan syaitan dalam menyesatkan umat manusia kerana ilmu ini tidak tertulis dalam silibus pelajaran harian. Pengamalan al-Quran merupakan satu ibadah kerana al-Quran merupakan mukjizat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW sebagai petunjuk dan panduan kepada seluruh umat manusia.

OBJEKTIF KAJIAN

Artikel ini membincangkan konsep kefahaman ilmu perubatan Islam dalam kalangan guru pelatih pendidikan Islam berdasarkan objektif yang telah ditetapkan iaitu:

- i. Mengetahui persepsi guru pelatih pendidikan Islam terhadap konsep mempelajari ilmu perubatan Islam.

PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian yang telah digariskan, maka pengkaji memfokuskan persoalan kajian seperti berikut:

- i. Apakah persepsi guru pelatih pendidikan Islam terhadap konsep kefahaman ilmu perubatan Islam?

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini sepenuhnya menggunakan reka bentuk penyelidikan kuantitatif. Teknik yang digunakan dalam pendekatan kajian ini secara statistik diskriptif seperti frekuensi dan peratusan sesuatu kumpulan data. Pengiraan min juga digunakan untuk menerangkan taburan data.

Populasi kajian adalah terdiri dalam kalangan pelajar peringkat diploma dan ijazah sarjana muda pada semester 4, 5, 6, 7 dan 8. Bilangan responden mengikut peringkat pengajian iaitu Diploma seramai 130 (47.27%) orang manakala Ijazah Sarjana Muda seramai 145 (52.72%) orang. Berdasarkan jadual persampelan Krejcie dan Morgan (1970), responden yang terlibat daripada keseluruhan populasi adalah seramai 159 orang.

Dapatan kajian dianalisis menggunakan perisian SPSS (versi 25.0) dengan menggunakan skala likert 5 tahap. Dapatan turut dihurai menggunakan min dan sisihan piawai seperti Jadual 5.1 dan 5.2.

Jadual 5.1

Skala Likert Pengukuran Tahap

Penilaian	Markah
Sangat Setuju	5
Setuju	4
Kurang Setuju	3
Tidak Setuju	2
Sangat Tidak Setuju	1

Jadual 5.2

Jadual Interpretasi Skor Min

Skala Min	Interpretasi
1.00 – 2.00	Rendah (R)
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah (SR)
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi (ST)
4.01 – 5.00	Tinggi (T)

DAPATAN KAJIAN

Pada bahagian ini, dapatan kajian dianalisis berdasarkan data yang diperoleh daripada kajian lapangan menggunakan instrumen soal selidik. Konstruk utama yang dibincangkan merujuk Jadual 6.1.

Jadual 6.1

Konsep Mempelajari Ilmu Perubatan Islam

No.	Item	1	2	3	4	5	Min	SP
KP01.	Saya mempunyai pegangan aqidah yang sempurna	1 0.6 %	8 5.0 %	21 13.2%	86 54.1%	43 27%	4.02	T
KP02.	Saya mahir dalam bacaan al-Quran	1 0.6%	2 1.3%	13 8.2%	98 61.6%	45 28.3%	4.16	T

KP03.	Saya ikhlas dalam menuntut ilmu untuk memperoleh keredaan Allah	1 0.6%	0	13 8.2%	87 54.7%	58 36.5%	4.26	T
KP04.	Saya seorang yang amanah dalam terhadap ilmu yang dipelajari.	0	3 1.9%	22 13.8%	104 65.4%	30 18.9%	4.01	T
KP05.	Saya seorang yang tidak bertanggungjawab terhadap ilmu yang dipelajari.	66 41.5%	45 28.3%	32 20.1%	11 6.9%	5 3.1%	2.02	SR
KP06.	Saya mempunyai sikap hormat menghormati merupakan tuntutan dalam Islam.	0	0	6 3.8%	86 54.1%	67 42.1%	4.38	T
KP07.	Saya akan berhadapan dengan situasi yang memerlukan pengorbanan masa, tenaga dan wang ringgit.	1 0.6%	4 2.5%	17 10.7%	76 47.8%	61 38.4%	4.21	T
KP08.	Saya sentiasa berakhlak mulia kepada semua tanpa mengira agama dan warna kulit	1 0.6%	0	20 12.6%	93 58.5%	45 28.3%	4.14	T
KP09.	Saya menjadikan sumber utama ilmu pengubatan Islam adalah daripada al-Quran dan sunah Nabi	1 0.6%	1 0.6%	7 4.4%	70 44.0%	80 50.3%	4.42	T
KP010.	Saya perlu memberi komitmen yang bersungguh-sungguh	1 0.6%	1 0.6%	8 5.0%	67 42.1%	82 51.6%	4.43	T
Purata							4.01	T

Analisis terhadap item KP01 menunjukkan seorang responden (0.6%) daripada jumlah responden seramai 159 orang adalah sangat tidak setuju dengan item yang diberikan. 8 (5%) orang responden pula tidak setuju dan 21 (13.2%) kurang pasti. Manakala seramai 86 (54.1%) setuju dengan dengan pernyataan tersebut. Manakala sebanyak 43 (27%) orang pula sangat setuju. Min item ialah sebanyak 4.02.

Bagi analisis item KP02 pula masing-masing seramai seorang (0.6%) dan 2 orang responden (1.3%) pula tidak setuju dan sangat tidak setuju dengan item tersebut. Seterusnya seramai 13 (8.2%) orang pula kurang pasti terhadap item yang diberikan. Diikuti dengan 98 (61.6%) orang yang setuju dan hanya 45 (28.3%) orang yang bersetuju. Min yang diperoleh ialah 4.16.

Item KP03 pula menunjukkan 1 (0.6%) responden sangat tidak setuju dan tiada untuk tidak setuju dengan item tersebut. Bagi responden yang kurang pasti pula terdapat seramai 13 (8.2%) manakala yang bersetuju adalah seramai 87 (54.7%) orang dan 58 (36.5%) sangat setuju dengan item. Min item ialah 4.26.

Berdasarkan analisis item KP04 pula didapati bahawa tiada orang responden yang sangat tidak setuju, 3 (1.9%) orang responden tidak setuju dan 22 (13.8%) orang kurang pasti. Responden yang setuju dengan item adalah seramai 104 (65.4%) orang diikuti oleh 30 (18.9%) orang responden sangat setuju dengan item kajian. Min yang diperoleh ialah 4.01.

Untuk item KP05 dapat dilihat bahawa 66 (41.5%) responden sangat tidak setuju, 45 (28.3%) orang tidak bersetuju dan 5 (3.1%) orang setuju. Bagi maklum balas tidak pasti dan sangat setuju pula masing masing adalah seramai 32 (20.1%) orang dan 5 (3.1%) orang. Min item ialah sebanyak 2.02.

Analisis terhadap item KP06 mendapati bahawa tiada item dipilih responden bagi sangat tidak setuju dan tidak bersetuju. Jumlah responden bagi kurang pasti dan setuju pula mencatat seramai 6 (3.8%) dan 86(54.1%) orang. Bagi responden yang sangat setuju pula berjumlah 67 (42.1%) orang. Min item 4.38.

Analisis terhadap item KP07 menunjukkan bahawa hanya 1 (0.6%) responden sangat tidak setuju dengan item yang dinyatakan. Diikuti oleh jumlah responden yang tidak setuju dengan 4 (2.5%) orang. Bagi responden yang kurang pasti pula adalah seramai 17 (10.7%) orang. Manakala responden yang setuju adalah seramai 76 (47.8%) orang dan 61 (38.4%) orang bagi yang sangat setuju. Min yang diperoleh ialah 4.21.

Untuk item KP08 dapat dilihat bahawa 1 (0.6%) responden sangat tidak setuju dan tidak ada responden tidak setuju. Bagi respon kurang pasti, setuju dan sangat setuju pula masing masing adalah seramai 20 (12.6%) orang, 93 (58.5%) orang dan 45 (28.3%) orang. Min item ialah sebanyak 4.14.

Analisis item KP09 pula mendapati bahawa 1 (0.6%) adalah sama bagi orang sangat tidak setuju dan tidak setuju. Diikuti dengan 7 (4.4%) orang responden kurang pasti. Manakala seramai 70 (44%) orang responden setuju dan 80 (50.3%) orang sangat setuju. Min yang diperoleh ialah 4.42.

Analisis item KP10 menunjukkan seramai 1 (0.6%) adalah sama responden bagi sangat tidak setuju dan responden yang tidak setuju. Bagi responden yang kurang pasti pula adalah seramai 8 (5%) orang. Manakala responden yang setuju adalah seramai 67 (42.1%) orang dan bagi respons sangat setuju mencatatkan jumlah seramai 82 (51.6%) orang. Min yang diperoleh ialah 4.43.

Berdasarkan keseluruhan purata min yang telah diperoleh adalah 4.01. daripada data yang diperoleh ini, dapat memberi kesimpulan yang jelas menunjukkan dalam mempelajari ilmu perubatan Islam atau ilmu apa sekalipun perlu mempunyai asas kefahaman Islam agar tidak melakukan perkara berlebihan dalam sesuatu tindakan terutama dalam perkara mensyirikkan Allah SWT.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Ilmu perubatan Islam adalah salah satu ikhtiar untuk menyembuhkan penyakit jasmani dan rohani berdasarkan hukum syarak. Ilmu perubatan Islam ini sebenarnya luas pelbagai penyakit jasmani dan rohani boleh dirawat dengan kaedah perubatan Islam. Ramai yang menyangka bahawa ilmu ini hanya melihat daripada penyakit dalaman sahaja tidak pula di luaran. Hal ini kerana Allah SWT telah berfirman dalam surah al-Isra' ayat 82 yang menyatakan bahawa ayat al-Quran merupakan penawar dan rahmat bagi orang yang beriman kepadanya dan al-Quran tidak menambahkan orang-orang yang zalim (disebabkan keingkaran mereka) melainkan kerugian.

Pembacaan ayat al-Quran dijadikan ayat ruqyah dalam perubatan Islam dijadikan kaedah perubatan Islam dalam membantu pesakit sama ada mengalami masalah kesihatan fizikal mahupun masalah kesihatan dalaman. Al-Quran yang menjadi mukjizat terbesar membuktikan kebenaran ajaran Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Penggunaan ayat-ayat ruqyah hendaklah menggunakan ayat al-Quran bagi mengelakkan penggunaan ayat ruqyah yang tidak dapat dipastikan sumbernya.

Berdasarkan data yang telah diperoleh peratusan tinggi melibatkan responden pernah berhadapan dengan situasi histeria. Jika merujuk data demografi bagi guru pelatih yang tidak pernah mempelajari tentang ilmu perubatan Islam adalah lebih tinggi berbanding pernah mempelajarinya. Jika dibandingkan responden pernah berhadapan dengan situasi gangguan berbanding tidak pernah, terbukti pada data yang telah diperoleh keterlibatan dalam merawat pelajar yang terlibat dalam situasi gangguan hanya sedikit sahaja berbanding yang dapat membantu dalam mengawal keadaan gangguan yang telah berlaku. Individu yang membantu dalam mengubati sesuatu permasalahan hendaklah mempunyai pengetahuan dan hafalan doa yang berkaitan jenis penyakit yang ingin dirawat mestilah berlandaskan al-Quran dan hadith serta doa yang difahami maksudnya (BPTK, KKM 2011).

Melihat situasi ini, sudah pasti ilmu perubatan Islam menjadi keperluan berdasarkan laporan kajian yang telah dijalankan banyak kes yang berlaku dalam kalangan pelajar sekolah. Rasulullah SAW juga menyarankan supaya kita supaya mencari penawar sekiranya kita ditimpa sesuatu penyakit.

Dengan mengetahui ilmu perubatan Islam ini, banyak memberi kelebihan kepada pengamal perubatan ini. Hal ini sememangnya menjadi keperluan dan pihak Kementerian Kesihatan Malaysia telah mempunyai satu bahagian iaitu Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementeri yang dipertanggungjawab menyediakan garis panduan amalan pengubatan Islam. Oleh itu, setiap pengamal perubatan Islam hendaklah mematuhi garis panduan yang ditetapkan (BPTK, KKM 2011).

Berdasarkan maklumat yang diperoleh jurang perbezaan antara kesediaan guru pelatih untuk membantu dalam merawat dengan pernah berhadapan situasi gangguan adalah sedikit. Hal ini kerana data yang diperoleh ini menunjukkan kepada kita bahawa ramai antara mereka pernah berhadapan dengan situasi gangguan akan tetapi mereka hanya sekadar melihat dan tidak membantu. Mungkin kerana pertama kali terjadi atau sudah ada perawat telah membantu dalam merawat. Guru pelatih boleh memanfaatkan peluang mengikuti persijilan perubatan Islam yang dianjurkan oleh Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang telah diiktiraf sebagai pemberi latihan perubatan Islam seperti Persatuan Perubatan, Pengubatan & Kebajikan Islam Malaysia (Darussyifa) dan Persatuan Perubatan Islam Darussalam Malaysia yang menganjurkan kursus persijilan secara tahunan yang mempunyai pengalaman dalam memberikan latihan dan menjadi rujukan kepada perubatan komplementeri dan alternatif. Sebagai pelajar di institusi pengajian tinggi, inisiatif mendalami ilmu dalam bidang yang berkaitan sama ada secara formal mahupun informal dapat mengembangkan pendidikan sepanjang hayat.

Data yang diperoleh menunjukkan bahawa mempelajari ilmu perubatan Islam dapat menguatkan aqidah tentang Islam. Seseorang yang melibatkan diri dengan perubatan Islam secara tidak langsung akan mentaati perintah Allah SWT dan mengharapkan keredaannya. Hal Ini dapat disimpulkan dengan mengagungi kekuasaan Allah. Mengetahui perkara yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar sama ada dari segi rohani dan jasmani memberi kita lebih yakin bahawa Allah itu maha berkuasa. Setiap insan hendaklah meletakkan akidah yang sebenar dalam setiap yang berlaku dan mempunyai keyakinan yang tinggi bahawa setiap yang berlaku dengan izin Allah s.w.t Keikhlasan dalam melakukan amalan perubatan Islam amatlah dituntut agar doa yang dipohon diterima oleh Allah s.w.t

Tidak hanya pada akidah, ibadah juga akan kita menjaga nya berdasarkan item KP02 peratus tinggi “sangat bersetuju” mengatakan perlu mahir membaca Al-Quran dalam mempelajari ilmu perubatan Islam ini. Al-Quran merupakan perkara yang meliputi semua perkara, tidak hanya melibatkan hal berkaitan keimanan sahaja tetapi merangkumi petunjuk daripada Allah SWT dari sekecil-kecil perkara sehingga sebesar-besar perkara. Oleh itu, al-Quran menjadi petunjuk dan hidayah kepada setiap manusia. Kemahiran membaca al-Quran dengan bertajwid amatlah diperlukan agar tidak kesalahan semasa membaca ayat rukyah yang diamalkan

Mempelajari ilmu perubatan Islam atau mempelajari ilmu apa sahaja perlu diketahui bahawa sifat utama bagi seseorang muslim. Perlu ketahui bahawa ikhlas adalah kunci utama untuk memperoleh keredaan Allah SWT. Ini kerana, ikhlas merupakan musuh utama syaitan apabila seseorang itu melakukan sesuatu kerja hanya semata-mata kerana Allah SWT. Mengikut peratusan yang tinggi dengan dapatan “sangat bersetuju” bahawa ikhlas adalah sifat utama dalam melawan syaitan. Sesuatu perkara yang dilakukan hanya kerana Allah SWT pasti tidak akan sia-sia. Rahmat Allah dan keredaanNya sentiasa akan melimpah ke atas hambaNya yang ikhlas. Keikhlasan seorang perawat dalam perubatan Islam amat penting tanpa mengharapkan habuan dan sagu hati serta pujian orang ramai.

Pengamal ilmu perubatan Islam juga perlu tahu bahawa kesembuhan sesuatu penyakit sama ada rohani dan jasad adalah dengan izin Allah SWT. Sekiranya Allah tidak mengizinkan untuk sembuh dari penyakit, perlunya berterusan memohon kepada Allah SWT agar ujian yang diperoleh ini dapat meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT sekiranya diharungi tanpa berputus asa. Hal ini kerana firman Allah SWT yang menyatakan bahawa apabila aku sakit, dialah (Allah) yang menyembuhkan aku (Surah al-Shu'araa: 80).

Selain itu, pengamal ilmu perubatan Islam ini perlu mempunyai kekuatan dan persediaan dari segi rohani dan jasmani. Terdapat tiga persediaan jasmani iaitu menjaga kesihatan diri, menghindari diri daripada membawa penyakit dan meninggalkan bahan atau perkara kerosakan yang membawa kepada penyakit (Haron Din, 2014). Manakala persediaan rohani dengan mengamalkan amal soleh. Dalam al-Quran banyak menyebut tentang penyakit rohani, maka tidak dapat dinafikan lagi bahawa al-Quran adalah sumber terbaik dalam merawat dan mencegah penyakit yang tidak dapat dikesan oleh ilmu perubatan moden ini. Al-Quran merupakan petunjuk kepada hambanya. Melalui proses tadabbur al-Quran dengan memahami, mendalami dan menghayati al-Quran dapat mententeramkan jiwa dan jasmani. Hal ini difirmankan oleh Allah s.w.t dalam surah Yunus ayat 57 yang bermaksud:

“Wahai manusia, sesungguhnya telah datang kepadamu pelajaran (al-Quran) dari Tuhanmu, menjadi penyembuh bagi penyakit yang ada dalam dada dan petunjuk serta rahmat bagi orang yang beriman”.

Al-Quran merupakan cahaya, penyembuh bagi penyakit sama ada hati atau fizikal, serta merupakan rahmat untuk sekalian alam. Dengan mentadabbur al-Qurān, iaitu memahami, mendalami, dan menghayati isi al-Quran, seseorang itu berupaya menenangkan dan mententeramkan hati dan jasmani.

Hasil perbincangan di atas dapatlah disimpulkan bahawa pendekatan keagamaan yang menumpukan kepada hati dan jiwa manusia bagi mengenal pasti kaedah mengatasi masalah histeria. Penumpuan kepada aspek spiritual dalam mengatasi masalah yang dihadapi oleh manusia adalah amat perlu diberikan penekanan. Hal ini kerana terdapat banyak kajian dalam bidang kaunseling membuktikan elemen agama dan spiritual adalah penting dan tidak boleh diabaikan bagi mencari penyelesaian terhadap pelbagai masalah hidup manusia (Salasih et al., 2014).

RUMUSAN

Sebagai kesimpulan, individu yang mempelajari ilmu perubatan Islam menjadikan individu tersebut terjaga dalam akidah, ibadah, syariat, dan akhlak. Oleh itu, perlu ada kesedian bagi seorang guru pelatih pendidikan Islam untuk merawat seseorang yang terlibat dengan gangguan. Sebagai seorang guru pelatih, menjadi keperluan mempelajari dan menguasai sekurang-kurangnya asas ilmu perubatan Islam yang akan menjadi kegunaan sekiranya diperlukan. Pembelajaran ini tidak menjadi satu kerugian sekiranya guru pelatih pendidikan Islam menguasai ilmu tersebut. Kesedaran tuntutan fardu kifayah ini harus diambil peluang oleh guru pelatih yang bakal ditempatkan ke seluruh pelosok negara. Hal ini kerana guru pendidikan Islam menjadi tempat rujukan dalam permasalahan dan isu yang berkaitan dengan gangguan makhluk dan penyakit yang tidak dapat diubati dengan perubatan moden.

Peranan ilmu perubatan Islam membantu melengkapkan rawatan penyakit sama ada penyakit fizikal atau penyakit rohani. Walau bagaimanapun, pengamalan terhadap ilmu perubatan Islam ini masih belum meluas bagi menyediakan perkhidmatan yang bertepatan dengan syariat Islam. Oleh itu, guru pelatih pendidikan Islam hendaklah menjadi pengamal yang baik dengan melaksanakan amalan perubatan Islam yang bertepatan dengan syariat. Hal ini kerana pandangan masyarakat kepada kerjaya guru adalah dalam mendidik masyarakat.

RUJUKAN

- Amran Kasimin & Zulkarnain Zakaria. (1994). *Histeria : Pencegahan dan rawatan*. Dinie Publisher.
- Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementeri (2011). *Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam*. Kementerian Kesihatan Malaysia.

- Fariza Md. Sham, Siti Norlina Muhamad, Intan Farhana Saparudin, Salasiah Hanin Hamjah, Rozmi Ismail, M. I. A. M. K. (2012). Faktor Histeria Dalam Kalangan Remaja Sekolah. *Jurnal Teknologi (Social Sciences)*, 59, 21–27.
- Haron Din. (2011a). *Pengantar Pengubatan Islam*. Koperasi Darussyifa' Berhad.
- Haron Din. (2014). *Ruqyah Asas Pengubatan Islam*. Koperasi Darussyifa' Berhad.
- Haron Din. (2011b). *Rawatan Penyakit Akibat Sihir. Kaedah Mengelak, Menentang dan Mengatasi Sihir*. Persatuan Kebajikan dan Pengubatan Islam Malaysia.
- Intan Farhana Saparudin, Fariza Md Sham & Salasiah Hanin Hamjah. (2014). Faktor Gangguan Emosi dalam Fenomena Histeria Massa Remaja Muslim. *Jurnal al-Hikmah* 6 (1).
- Intan Farhana Saparudin, Fariza Md Sham & Salasiah Hanin Hamjah. (2014). *Simptom Histeria dalam Kalangan Remaja Sekolah di Malaysia*. *Islamiyyat* 36(2) (2014): 27-38.
- Khadher Ahmad & Mohd Azim Hakim Ibrahim. (2015). Histeria dari Perspektif al-Quran dan Hadith: Satu Analisis. *Jurnal al-Tamaddun* 10 (2) 2015, 35-50
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Nor Izati Samsudin, Mohamad Zaim Ismail & Muhammad Ikhlas Rosele. (2013). Seni Perubatan Alternatif di Malaysia: Analisis Permasalahan Metode Rawatan. *Journal GJAT Vol 3 Issue 2*.
- Mohd Farhan, M.A. and Khadher, A. & Anuar, R. (2015) Keperluan Terhadap Rawatan Alternatif Islam: Tinjauan Di Zon Selatan Semenanjung Malaysia. In: Seminar Antarabangsa " Islam di Alam Melayu kali ke-V ", At College of Islamic Studies Prince of Songkla University.
- Muhamad Suhaimi Taat. (2014). Impak Pengajaran dan Bimbingan Guru Pendidikan Islam Terhadap Motivasi dan Pembelajaran Terarah Kendiri Pelajar. *Jurnal Pemikir Pendidikan, Vol 5*, 1-17.
- Salasiah Hanin Hamjah, Fariza Md. Sham, Siti Norlina Muhamad, A'dawiyah Ismail, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim, Rozmi Ismail & Intan Farhana Saparudin. (2014). Pendekatan Spiritual dalam Menangani Histeria. *Jurnal Sains Humanika Vol.2 No. 1*.
- Siti Nurshafenas Safe & Ahmad Yunos Nor. (2016). Pengurusan Stress Menurut al-Quran dan Sunnah. *Jurnal Al-Hikmah* 8(1) 2016: 3-18.